



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI
DAN BUDAYA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

KATALOG

TERBITAN PERPUSTAKAAN

NEGARA MALAYSIA

1984 - 2018



Isi Kandungan

- 2 PRAKATA**
- 3 TERBITAN BAHARU 2018**
- 7 BIBLIOGRAFI**
- 13 BUKU**
- 33 JURNAL**
- 34 KATALOG**
- 48 POSKAD**
- 49 VCD**
- 50 CD-ROM**
- 53 DIREKTORI/BUKU PANDUAN**
- 58 INDEKS**
- 59 TEMPAHAN TERBITAN DAN BAYARAN**

PRAKATA

Assalamualaikum w.bt. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dengan izinnya, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dapat menerbitkan Katalog Terbitan PNM 1984-2018. Katalog terbitan ini menghimpunkan tajuk-tajuk terbitan yang diterbitkan oleh PNM bermula pada tahun 1984 sehingga 2018. Pada peringkat awal, kegiatan penerbitan lebih menjurus kepada bibliografi dan direktori. Seterusnya jumlah terbitan PNM meningkat sedikit demi sedikit yang diterbitkan untuk rujukan umum. Selepas itu, buku-buku rujukan penting dalam bidang perpustakaan dan perkhidmatan maklumat turut diterbitkan. Pada tahun 1985 PNM mula aktif dalam menerbitkan buku-buku yang membicarakan maklumat manuskrip yang terdapat di PNM. Bermula pada tahun 1996 penerbitan bahan elektronik dalam bentuk CD-ROM telah mula diperkenalkan.

Katalog terbitan ini disediakan bagi mempromosikan bahan-bahan terbitan PNM di samping berperanan membantu memajukan industri buku khususnya bagi memartabatkan industri penulisan dan penerbitan. Keluaran kali ini menyenaraikan 110 judul terbitan yang merangkumi pelbagai kategori terbitan seperti bibliografi, buku, direktori/ buku panduan, indeks, jurnal, katalog, poskad, VCD dan CD-ROM sama ada terbitan untuk jualan ataupun diberikan secara percuma. Setiap terbitan yang dimuatkan dalam katalog terbitan ini akan memberikan deskripsi ringkas tentang kandungan teks buku tersebut di samping mempamerkan harga yang istimewa mengikut tahun yang diterbitkan.

Akhir kata saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang berusaha menerbitkan katalog ini yang pada saya secara tidak langsung berusaha menyemarakkan penyelidikan, rujukan dan aktiviti pembacaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Besar harapan saya agar penerbitan katalog ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua penerbit, pembekal dan pemain industri buku untuk sama-sama mempromosi serta menggiatkan aktiviti jualan buku-buku terbitan Perpustakaan Negara Malaysia kepada khalayak dan pembaca.

YBrs. Puan Hajah Maizan Ismail
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia



TERBITAN BAHARU 2018

PANDUAN RDA MALAYSIA



Buku Panduan RDA Malaysia ini menyediakan pengenalan dan panduan asas kepada institusi dalam melaksanakan RDA sebagai standard baharu pengkatalogan. Isi kandungan buku ini telah mengambil kira kesesuaian standard pengkatalogan peringkat kebangsaan.

Harga	: RM 19.00
ISBN	: 978-967-931-262-1
Halaman	: 321
Cetakan Pertama	: 2014
Cetakan Kedua	: 2018

KAEDAH PEMBELAJARAN JAWI

Buku Kaedah Pembelajaran Jawi mengupas pembelajaran Jawi bermula pada peringkat asas lagi dengan memperkenalkan kepada pembaca tentang permasalahan huruf. Kandungannya menjelaskan tentang perbezaan antara huruf Jawi dengan huruf Arab, huruf gubalan Melayu, mengenal garis duduk huruf Jawi, mengenal sifat-sifat huruf Jawi, penyambungan dan perangkaian huruf.


Harga	: RM 35.00
ISBN	: 978-967-931-260-7
Halaman	: 154 (Rumi) 158 (Jawi)
Cetakan Pertama	: 2014
Cetakan Kedua	: 2015
Cetakan ketiga	: 2018



STANDARD ENTRI PENGKATALOGAN MALAYSIA: NAMA BADAN SELEMBAGA

Standard Entri Pengkatalogan Malaysia : Nama Badan Selembeaga adalah merupakan standard yang pertama mengenai badan selembeaga yang diterbitkan secara rasmi oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Standard ini dapat membantu para pustakawan dalam menentukan entri nama badan selembeaga Malaysia semasa proses pendokumentasian. Ini bagi menghasilkan entri nama badan selembeaga Malaysia dan fail kuasa yang seragam dan berkualiti serta dapat dikongsi dan diperakui pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


Harga : RM 16.00
 ISBN : 978-967-931-284-3
 Halaman : 205
 Cetakan : 2017
 Pertama
 Cetakan : 2018
 Kedua



STANDARD ENTRI PENGKATALOGAN MALAYSIA : NAMA ORANG PERSEORANGAN

Standard Entri Pengkatalogan Malaysia : Nama Orang Perseorangan merupakan panduan yang digunakan untuk menentukan entri nama orang perseorangan dalam rekod bibliografi dan juga fail kuasa pengarang orang perseorangan. Standard ini dapat membantu para pustakawan dalam menentukan entri nama orang perseorangan Malaysia semasa proses pendokumentasian, penghasilan entri nama pengarang dan fail kuasa yang seragam dan berkualiti agar dapat dikongsi dan diperakui di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Harga : RM 16.10
 ISBN : 978-967-931-267-6
 Halaman : 338
 Cetakan : 2015
 Pertama
 Cetakan : 2018
 Kedua



UNESCO MEMORY OF THE WORLD 2017 : CERITA PANJI MELAYU




Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menerbitkan himpunan peristiwa mengenai kejayaan lima naskhah manuskrip Cerita Panji Melayu koleksi PNM iaitu MSS 29 Hikayat Kelana Jayeng Seteru, MSS 31 Hikayat Misa Jaran Gambar Sari, MSS 32 Hikayat Cekel Waneng Pati, MSS 94 Cerita Panji dan MSS 2140 Hikayat Misa Jejuluk Sira Panji yang tersenarai sebagai warisan dunia dengan mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai Memory of the World International Register pada September 2017 berkolaborasi bersama tiga buah negara lain seperti Belanda, Indonesia dan Kemboja dan disokong oleh United Kingdom.

Harga	: RM -
ISBN	: 978-967-931-314-7
Halaman	: 45
Tahun Terbit	: 2014
Status	: Tidak Jual

JURNAL FILOLOGI MELAYU JILID 25

Jurnal tahunan ini diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia khusus untuk menyebarkan ilmu mengenai manuskrip Melayu kepada masyarakat. Jurnal ini memuatkan artikel-artikel ilmiah yang dihasilkan oleh para tokoh dan sarjana dalam dan luar negara dalam bidang pengajian manuskrip Melayu. Artikel-artikel yang dimuatkan adalah mengenai pelbagai bidang berkaitan manuskrip Melayu. Jurnal ini diterbitkan pada tahun 1992 hingga 2018.


Harga	: RM 20.00
ISBN	: 0128-6048
Halaman	: 167
Tahun Terbit	: 2018



**KATALOG MANUSKRIP MELAYU KOLEKSI
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA :
TAMBAHAN KESEPULUH**

Katalog ini memuatkan 179 judul manuskrip Melayu daripada 106 naskhah yang telah diperoleh PNM pada tahun 2015 dan 2016. Penerbitan katalog ini bertujuan untuk memudahkan para penyelidik mengesan dan merujuk manuskrip Melayu yang tersimpan dalam koleksi PNM. Sebilangan besar entri Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Kesepuluh 2018 adalah berkaitan bidang teologi (keagamaan) iaitu ilmu tauhid, fikah, tasawuf dan himpunan doa. Katalog ini boleh dirujuk di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Aras 11, Menara PNM.


Harga : RM 60.00
ISBN : 978-967-931-303-1
Halaman : 80
Tahun Terbit : 2018



BIBLIOGRAFI


**BIBLIOGRAFI NAJIB RAZAK : 100 HARI
MENERAJUI TAMPUK PEMERINTAHAN**

Bibliografi ini diterbitkan sempena 100 hari pemerintahan YAB Dato' Seri Najib sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 dari 3 April 2009 sehingga 11 Julai 2009. Bibliografi ini mengandungi 337 entri yang disusun secara berabjad meliputi sumber-sumber maklumat seperti buku, ucapan, artikel majalah dan sumber elektronik yang diterbitkan di dalam dan di luar negara. Sumber maklumat yang disenaraikan dalam bibliografi ini terdapat di dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan diakses di internet.



Harga : RM 23.00
ISBN : 978-967-931-226-3
Halaman : 283
Tahun Terbit : 2011
Status : Tiada Stok

**LIBRARY AND INFORMATION SCIENCE RESEARCH IN
MALAYSIA : AN ABSTRACT BIBLIOGRAPHY**




Buku ini menyenaraikan terbitan penyelidikan dalam bidang sains perpustakaan di negara kita. Terbitan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu pada bahagian 1 mengenai bahan penyelidikan yang telah diterbitkan, manakala pada bahagian 2 menyenaraikan bahan penyelidikan yang telah diterbitkan. Bibliografi ini mengandungi 226 entri dimana ianya dikumpul oleh individu yang telah mengikuti bidang sains perpustakaan sama ada di dalam atau di luar negeri.

Harga : RM 30.00
ISBN : 967-931-184-8
Halaman : 164
Tahun Terbit : 2005
Status : Tiada Stok

BIO-BIBLIOGRAFI SASTERAWAN NEGARA

Bio-Bibliografi Sasterawan Negara ini menghimpunkan biodata semua penerima Anugerah Sastera Negara serta senarai karya-karya mereka secara komprehensif. Biodata Sasterawan Negara dan karya mereka disusun mengikut kronologi iaitu Kamaludin Muhammad (Keris Mas) (1981); Shahnnon Ahmad (1982); Usman Awang (Tongkat Warrant) (1983); A.Samad Said (1986); Muhammad bin Abdul Biang (Arena Wati) (1988); Muhammad Haji Salleh (1991); Noordin Hassan (1993); Abdullah Hussein (1996) dan Syed Othman bin Syed Omar (S. Othman Kelantan) (2003). Bio-Bibliografi ini meliputi bahan monograf (buku), artikel majalah dan surat khabar serta bahan sumber media. Gambar-gambar pegun juga dimuatkan. Bahan dalam bibliografi ini boleh didapati di Perpustakaan Negara Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.


Harga : RM 40.00
 ISBN : 967-931-157-0
 Halaman : 214
 Tahun Terbit : 2004



BIBLIOGRAFI ABDULLAH AHMAD BADAWI : 100 HARI MENERAJUI TAMPUK PEMERINTAHAN

Bibliografi Abdullah Ahmad Badawi: 100 Hari Menerajui Tampuk Pemerintahan diterbitkan sempena 100 hari pemerintahan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 iaitu dari 31 Oktober 2003 sehingga 7 Februari 2004. Bibliografi ini diterbitkan untuk tujuan memudahkan capaian kepada sumber maklumat berkaitan Y AB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ia mengandungi 683 entri yang meliputi sumber-sumber maklumat seperti buku, ucapan, artikel majalah/surat khabar dan sumber elektronik yang diterbitkan di dalam dan luar negara yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Internet.

Harga : RM 15.00
 ISBN : 983-931-160-0
 Halaman : 70
 Tahun Terbit : 2004
 Status : Tiada Stok



BIBLIOGRAFI DR. MAHATHIR, EDISI TAMBAHAN



Bibliografi ini diterbitkan bagi tujuan mengumpul dan mengemaskini maklumat tentang karya penulisan yang dihasilkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan penulisan/karya mengenai beliau yang tersebar luas dalam pelbagai media. Bibliografi ini merupakan tambahan kepada Bibliografi Dr. Mahathir yang telah diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1990, 1998 dan 2003. Terbitan kali ini meliputi entri dari bulan Mei hingga Disember 2003, yang meliputi sumber-sumber maklumat seperti buku, ucapan, artikel majalah/surat khabar dan sumber elektronik yang diterbitkan di dalam dan di luar negara. Sumber maklumat yang disenaraikan di dalam bibliografi ini terdapat di dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Internet.

Harga	: RM 30.00
ISBN	: 967-931-149-X
Halaman	: 205
Tahun Terbit	: 2004
Status	: Tiada Stok

BIBLIOGRAFI TAN SRI DATO' DR. MOHD RASHDAN HJ. BABA

Bibliografi ini dihasilkan sebagai penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan di atas sumbangan bakti beliau selama 20 tahun sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia. Bibliografi ini diterbitkan bertujuan untuk mengumpul dan merekod penulisan/karya yang dihasilkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan serta penulisan/karya mengenai beliau. Bibliografi ini menyenaraikan maklumat bibliografik mengenai artikel majalah, artikel surat khabar, ucapan, bahan sumber media dan elektronik, monograf dan kertas kerja persidangan yang boleh didapati daripada koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.

Harga	: RM 16.00
ISBN	: 967-931-167-8
Halaman	: 100
Tahun Terbit	: 2004
Status	: Tiada Stok



BIBLIOGRAFI TUN ABDUL RAZAK

Bibliografi Tun Abdul Razak diterbitkan bagi memperingati jasa dan sumbangan beliau sepanjang pentadbirannya iaitu dari tahun 1970 sehingga tahun 1976. Bibliografi ini mengumpulkan maklumat tentang penulisan/karya yang berkaitan dengan Allahyarham Tun Abdul Razak bermula dari tahun 1970 hingga tahun 2002 yang mengandungi sebanyak 1,127 entri meliputi sumber-sumber maklumat seperti monograf, artikel majalah, surat khabar, foto, laman web dan sumber media. Sumber maklumat yang disenaraikan di dalam bibliografi ini terdapat di dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Foto, Jabatan Penerangan Malaysia.


Harga : RM 20.00
 ISBN : 967-931-154-6
 Halaman : 110
 Tahun Terbit : 2004
 Status : Tiada Stok



BIBLIOGRAFI TUN HUSSEIN ONN

Bibliografi Tun Hussein Onn diterbitkan sempena memperingati jasa dan sumbangan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-3 iaitu dari tahun 1976 sehingga 1981. Bibliografi ini mengandungi 1,251 entri yang meliputi sumber-sumber maklumat seperti monograf, artikel, majalah/surat khabar, laman web, foto dan sumber media. Sumber maklumat yang disenaraikan di dalam bibliografi ini terdapat di dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Foto, Jabatan Penerangan Malaysia dan diakses dari internet.

Harga : RM 20.00
 ISBN : 967-931-156-2
 Halaman : 94
 Tahun Terbit : 2004
 Status : Tiada Stok



BIBLIOGRAFI KEMERDEKAAN




Bibliografi ini disusun khas sempena sambutan Bulan Kemerdekaan yang ke-46 di Perpustakaan Negara Malaysia. Bibliografi ini mengandungi sebanyak 883 entri kepada sumber-sumber maklumat mengenai kemerdekaan yang disusun secara abjad melainkan entri bagi logo dan legislative debates yang disusun mengikut kronologi. Sumber maklumat yang disenaraikan dalam bibliografi ini terdapat di beberapa buah perpustakaan selain dari Perpustakaan Negara Malaysia. Bibliografi ini juga mengandungi rujukan kepada sumber-sumber maklumat mengenai Rang Undang-Undang yang berkaitan dengan kemerdekaan sehingga tahun 1960.

Harga	: RM 28.00
ISBN	: 967-931-135-X
Halaman	: 118
Tahun Terbit	: 2003
Status	: Tiada Stok


BIBLIOGRAFI WARISAN BUDAYA MELAYU

Bibliografi Warisan Budaya Melayu menyenaraikan maklumat berkaitan warisan kebudayaan masyarakat Melayu daripada pelbagai aspek kehidupan merangkumi adat resam, kesenian, pakaian dan perhiasan, peralatan, permainan dan perubahan tradisional, seni bina, seni halus dan senjata tradisional. Entri bibliografi ini meliputi bahan bercetak sahaja dan bahan tidak bercetak dari koleksi Perpustakaan Negara Malaysia sahaja. Bibliografi ini menyenaraikan kira-kira 1125 entri maklumat bibliografik yang dibahagikan mengikut 9 tajuk perkara daripada sumber-sumber monograf, artikel majalah, kertas kerja/seminar/persidangan dan bahan sumber media yang diterbitkan di dalam dan di luar negara.

Harga	: RM 15.00
ISBN	: 967-931-136-8
Halaman	: 95
Tahun Terbit	: 2003
Status	: Tiada Stok



BIBLIOGRAFI DR. MAHATHIR, EDISI DIPERLUAS




Bibliografi ini diterbitkan bagi tujuan mengumpul dan mengemaskini maklumat tentang penulisan/karya yang dihasilkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan penulisan/karya mengenai beliau yang tersebar luas dalam pelbagai media. Bibliografi ini meliputi sumber maklumat seperti buku, ucapan, artikel majalah dan surat khabar, sumber media dan sumber elektronik serta kertas kerja seminar dan persidangan yang diterbitkan di dalam dan di luar negara. Sumber maklumat yang disenaraikan dalam bibliografi ini terdapat di dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan internet. Bibliografi Dr. Mahathir mengandungi 15,743 entri yang dibahagikan mengikut jenis atau format sumber maklumat dan diterbitkan dalam 3 jilid iaitu : Jilid I: Buku, Ucapan, Artikel Majalah/ Surat khabar mengandungi 3,309 entri. Jilid II: Sumber Media dan Elektronik (Bahagian 1) mengandungi 5,016 entri. Jilid III: Sumber Media dan Elektronik (Bahagian II) mengandungi 5,936 entri.

Harga	: RM 160.00 (1 Set)
ISBN	: 967-931-134-1 , 967-931-139-2, 967-931-140-6
Halaman	: 355 - 500
Tahun Terbit	: 2003
Status	: Tiada Stok


BIBLIOGRAFI DR. MAHATHIR, JILID 2

Bibliografi ini menyenaraikan buku, artikel dan ucapan yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia berkaitan Tun Dr. Mahathir Mohamad dari tahun 1989 hingga 1997. Bibliografi ini juga menyenaraikan hasil karya beliau yang diterbitkan di luar negara.

Harga	: RM 20.00
ISBN	: 967-931-084-1
Halaman	: 88
Tahun Terbit	: 1998
Status	: Tiada Stok



MALYSIAN BIBLIOGRAPHY ON ETHNOBOTANY




Bibliografi ini mendokumentasikan kumpulan penulis mengenai tumbuh-tumbuhan tempatan dan faedahnya kepada manusia. Bibliografi ini menyenaraikan buku, artikel, kertas persidangan dan tesis. Bibliografi ini disusun mengikut perkara dan abjad.

Harga : RM 20.00
ISBN : 967-931-057-4
Halaman : 215
Tahun Terbit : 1996
Status : Tiada Stok


BIBLIOGRAFI ISLAM DI MALAYSIA, JILID II

Bibliografi ini menyenaraikan bahan-bahan terbitan mengenai Islam di Malaysia yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia dan juga di perpustakaan-perpustakaan lain di negara ini dalam tempoh 1984-1987. Terbitan ini dapat membantu para penyelidik dalam usaha mengesan dan mendapatkan maklumat mengenai Islam di Malaysia.

Harga : RM 10.00
ISBN : 983-99557-4-8
Halaman : 40
Tahun Terbit : 1988
Status : Tiada Stok



BIBLIOGRAFI ISLAM DI MALAYSIA



Bibliografi ini menyenaraikan bahan-bahan terbitan mengenai Islam di Malaysia sehingga 1993. Bibliografi ini disusun dalam dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada monograf dan artikel. Bahagian kedua pula mengandungi senarai majalah Islam terbitan dalam negeri. Bibliografi ini dapat membantu para penyelidik dalam mencari bahan-bahan berhubung dengan Islam di Malaysia.

Harga : RM 10.00
ISBN : 967-99913-2-6
Halaman : 152
Tahun Terbit : 1984
Status : Tiada Stok

BUKU

PROSIDING PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU 2017, MENJUNJUNG WARISAN PUSAKA MENJULANG PERADABAN BANGSA' : 10-12 OKT 2017



Selaras dengan tema 'Menjunjung Warisan Pusaka, Menjulung Peradaban Bangsa' sebagai tema bagi Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 pada 10-12 Okt 2017. Usaha untuk mempersadakan dan menjulang semula kegemilangan intelektual dan peradaban besar bangsa Melayu ini dilihat sejajar dengan matlamat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri. Sejumlah 27 kertas kerja telah diterima untuk dibentangkan dalam persidangan ini. Ia mewakili korpus sains dan teknologi, kosmologi dan astrologi, ilmu perubatan Melayu, undang-undang, adab dan tatanegaraan, sejarah, kesedaran dan kebudayaan serta seni bina.

Harga : RM 65.00
 ISBN : 978-967-931-298-0
 Halaman : 518
 Tahun Terbit : 2017

PETUA MEMBINA RUMAH MELAYU : DARI SUDUT ETNIS ANTROPOLOGI

Buku ini mengkaji tradisi pembinaan rumah masyarakat Melayu rumpun Melayu berdasarkan kepada beberapa manuskrip Melayu yang dikaji oleh pengarang. Buku ini memaparkan pengaruh adat resam, alam semesta, kepercayaan dan agama dalam pembinaan sesebuah rumah Melayu. Pengarang buku ini ialah seorang Muallim Tamu Perpustakaan Negara Malaysia.

Harga : RM 45.00
 ISBN : 967-931-095-7
 Halaman : 218
 Cetakan Pertama: 2000
 Cetakan Kedua : 2006
 Cetakan Ketiga : 2016




TRAVELOG : JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN

Travelog ini adalah punca ilham yang mempengaruhi kehidupan untuk berkongsi pengalaman menerusi pengisian program galakan membaca. Panorama menarik sepanjang perjalanan menaiki Electric Train Service (ETS) ditambah dengan bait-bait ciptaan sajak dapat menghidupkan lagi suasana dalam perkongsian ilmu sempena program tersebut.

Harga : RM 15.00
ISBN : 978-967-931-282-6
Halaman : 66
Tahun Terbit : 2016




PULO KA SATU : WARISAN SEJARAH AWAL PERSURATAN



Pulo Ka Satu: Warisan Sejarah Awal Persuratan Melayu Pulau Pinang merupakan nukilan Dr. Jelani Harun seorang pensyarah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Intipati buku ini lebih berkisar tentang penemuan Pulau Pinang sebagai sebuah ketamadunan manusia dari dulu dan dibawa ke hari ini. Buku ini penting dalam merakam sejarah awal Pulau Pinang.

Harga : RM 75.00
ISBN : 978-967-931-255-3
Halaman : 314
Tahun Terbit : 2014

TRAVELOG PULAU BUTON




Merupakan sebuah catatan pendokumentasian manuskrip Melayu di Pulau Buton, Sulawesi Tenggara, Indonesia. Buku Travelog Pulau Buton menceritakan perjalanan kembara iaitu penulis, Faizal Hilmie Yusuf bersama kembara lain menjejaki Pulau Buton yang menyimpan manuskrip Melayu sebagai salah satu warisan Melayu.

Harga : RM 15.00
 ISBN : 978-967-931-256-0
 Halaman : 124
 Tahun Terbit : 2014


HIKAYAT HANG TUAH

Hikayat Hang Tuah merupakan transliterasi oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Salleh daripada naskah Hikayat Hang Tuah (MS 1713) koleksi PNM yang disenaraikan dalam Memoir of the World Register.

Harga : RM 80.00 (Kulit Nipis)
 : RM 140.00 (Kulit Tebal)
 ISBN : 978-967-931-246-1
 Halaman : 568
 Tahun Terbit : 2012



THE LEGACY OF MALAY MANUSCRIPTS



Buku separa mewah yang diterbitkan mengenai manuskrip Melayu dalam versi Bahasa Ingeris. Mengandungi 14 bab hasil nukilan sekumpulan cendekiawan dalam bidang pengajian manuskrip Melayu dari dalam dan luar negara. Dipenuhi dengan 169 gambar manuskrip berwarna dari koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

Harga : RM 130.00
 ISBN : 978-967-931-243-0
 Halaman : 277
 Tahun Terbit : 2012
 Status : Tiada Stok


SUMBER HISTORIOGRAFI DI ALAM MELAYU KOLEKSI PERIBADI JOHN BASTIN

Buku ini merupakan hasil karyawan Tamu Dr. Tatiana A. Denisova yang telah menjalankan kajian pada tahun 2007. Buku ini mengandungi hasil kajian beliau mengenai Sosiologi Melayu berdasarkan koleksi peribadi Dr. John Bastin. Tujuan kajian untuk mengemukakan pelbagai maklumat yang terdapat mengenai teori-teori, pandangan dan pendapat serta data penting mengenai sejarah Melayu. Aliran dan bidang kajian tradisional ilmu bagi menjelaskan dan menafikan prasangka serta salah faham mengenai pelbagai dasar tamadun Melayu agar tamadun dan sejarah alam Melayu diketahui umum dalam konteks sebenar.

Harga : RM 75.00
ISBN : 967-931-161-9
Halaman : 692
Tahun Terbit : 2011
Status : Tiada Stok




CITRA SENI



Penerbitan buku Citra Seni sebagai salah satu usaha untuk memperkukuh dan melestarikan khazanah bangsa. Walaupun penerbitan ini tidak mencakupi berbagai bidang seni tanah air, ia harus dilihat sebagai langkah awal untuk memartabatkan beberapa bidang seni utama dengan memaparkan beberapa tokoh seni dalam seni bela diri, kraf, pelakon, muzik, penulisan, tampak dan tari. Buku ini juga menzhahirkan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan warga seni tanah air.

Harga : RM 35.00
ISBN : 978-967-931-240-9
Halaman : 156
Tahun Terbit : 2011

TOKOH-TOKOH PERBUKUAN MALAYSIA




Buku ini mengandungi 21 bab yang menceritakan sumbangan intelek 21 tokoh perbukuan di Malaysia. Tokoh yang dipilih ialah mereka yang telah memberi sumbangan besar ke arah pembangunan dan kemajuan industri buku negara, khususnya dalam bidang penerbitan, penyuntingan, pemajuan dan pemasaran buku, gerakan pembacaan dan pendidikan perbukuan. Setiap tokoh dipersembah dari segi profil, peribadi, keterlibatan dalam dunia buku, sumbangan, perjuangan serta pandangannya tentang bidang perbukuan.

Harga : RM 53.00
 ISBN : 978-967-931-219-5
 Halaman : 202
 Tahun Terbit : 2011

BUKU KANAK-KANAK DI MALAYSIA SEBAGAI WARISAN HASIL SENI

Buku ini bertujuan untuk memaparkan karya-karya seni dalam bentuk buku kanak-kanak. Buku ini dibahagikan kepada lapan bab untuk menghuraikan latar belakang pengkaryaan buku kanak-kanak di negara ini dan perkembangan semasa. Tumpuannya adalah pada pemaparan imej-imej di samping kandungannya. Oleh yang demikian, buku ini menghadirkan lebih daripada 100 bahan visual tentang buku kanak-kanak yang menunjukkan kulit buku, ilustrasi prelim, ilustrasi teks dan imej-imej grafik yang dihasilkan. Visual yang dapat dipaparkan dalam buku ini adalah daripada buku-buku yang terbit mulai 1930-an sehingga kini. Pemaparan imej-imej visual dan analisis deskriptif tentangnya diharap dapat memberi manfaat kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan buku, dokumentasi bahan penerbitan serta perkhidmatan perbukuan dan juga merupakan suatu seni yang akan menjadi warisan budaya kita.


Harga : RM 60.00
 ISBN : 978-967-220-1
 Halaman : 135
 Tahun Terbit : 2008



HERBA WARISAN 1001 RAHSIA

Buku ini memaparkan tentang kelebihan dan keistimewaan tumbuhan herba yang terdapat di alam ini hasil pengumpulan maklumat bersempena dengan pameran mengenai tumbuhan herba yang telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia dari 7 Julai hingga 20 Ogos 2007.

Tumbuhan herba yang secara amnya merujuk kepada semua jenis tumbuhan yang mana-mana bahagiannya termasuk daun, batang, buah kulit batang, akar, rizom ataupun bunga, mempunyai pelbagai kegunaan terutama dalam bidang perubatan dan rempah ratus dalam masakan. Kini, tumbuhan herba menjadi semakin penting sebagai sumber bioteknologi. Buku ini sesuai untuk bacaan para penyelidik, pelajar, penulis dan masyarakat umum pelbagai peringkat.



Harga	: RM 34.00
ISBN	: 978-967-931-221-8
Halaman	: 111
Tahun Terbit	: 2008
Status	: Tiada Stok

PENERBITAN BIOGRAFI DI MALAYSIA



Buku ini mengangkat dan membincangkan beberapa persoalan pokok dalam penerbitan biografi di Malaysia. Jumlah judul biografi telah jauh bertambah berbanding dua dekad lalu. Kepelbagaian latar belakang tokoh, kemunculan ramai penulis biografi, komitmen lebih banyak penerbit, sikap masyarakat yang lebih terbuka, telah menyumbang ke arah kesuburan penulisan dan penerbitan biografi. Beberapa peluang baru terbuka luas dalam penerbitan genre ini. Ramai lagi tokoh yang belum dirakam peranan dan sumbangannya perlu ditulis dan diterbitkan biografi mereka. Dunia perfileman juga bersedia menerima manuskrip tentang tokoh yang dikenali dan besar jasanya untuk difilemkan.

Harga	: RM 30.00
ISBN	: 978-967-931-189-1
Halaman	: 268
Tahun Terbit	: 2006

KITAB TIB : ILMU PERUBATAN MELAYU




Kitab ini mengandungi pelbagai pembicaraan mengenai perubatan Melayu tradisional, dipetik dan disunting daripada 10 naskhah warisan manuskrip Melayu dalam koleksi Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia. Selain itu, karya ini juga mengambil kira teks-teks lain (sekitar 40 naskhah) dalam koleksi yang sama dan lain-lain koleksi dunia iaitu di Leiden, London, Aceh, Jakarta, Sri Lanka dan Brunei Darussalam. Suntingan edisi dibuat secara ilmiah, menurut disiplin ilmu filologi dengan diberi catatan, glosari dan indeks yang membantu pemahaman pembaca. Karya ini dikemukakan sebagai karya ilmu dalam rangkuman ilmu atau epistemologi Melayu : iaitu ilmu perubatan, ilmu bintang, ilmu ramalan dan penujuman, ilmu tanaman, ilmu bahasa dan sastera, ilmu pertukangan, ilmu berahi dan lain-lain. Perlu dibaca dan dibincangkan dalam konteks masa kini, khususnya dalam penggunaan pelbagai bahan, herba dan pengubatan pelbagai penyakit, baik dalam konteks kehidupan masa lalu, mahupun masa kini dan akan datang.

Harga : RM 70.00
 ISBN : 967-931-161-9
 Halaman : 436
 Tahun Terbit : 2006
 Status : Tiada Stok

ADAB RAJA-RAJA

Buku ini merupakan buku yang keenam di bawah projek Mualim Tamu di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia hasil kajian oleh Professor Emeritus Datuk Dr.Mohd Taib Osman. Adab Raja-raja ini merangkumi kajian yang melibatkan sistem pemerintahan feudal dengan ciri tersendiri dalam sistem itu. Raja adalah ketua dan mempunyai kuasa mutlak ke atas semua rakyat dibawah baginda. Namun kedatangan Islam ke alam Melayu telah mengangkat status quo raja-raja Melayu ke tempat yang lebih tinggi maka lebih dimuliakan kerana Islam menentukan raja adalah pemimpin yang wajib dipatuhi rakyatnya. Penerbitan buku ini merupakan salah satu usaha Perpustakaan Negara Malaysia dalam memartabatkan manuskrip Melayu sebagai warisan dokumen negara yang penting untuk dipelihara dan seterusnya dapat disemai dan dilestarikan ilmu yang terkandung di dalamnya kepada masyarakat.


Harga : RM 60.00
 ISBN : 978-967-931-210-2
 Halaman : 236
 Tahun Terbit : 2006
 Status : Tiada Stok



KAJIAN PENGGUNAAN STANDARD METADATA UNTUK SUMBER-SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN MALAYSIA

Buku ini menerangkan laporan hasil kajian penggunaan Standard Metadata dikalangan agensi-agensi kerajaan di Malaysia yang dijalankan oleh pasukan penyelidik daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Harga : RM 30.00
ISBN : 967-931-185-0
Halaman : 149
Tahun Terbit : 2005
Status : Tiada Stok



LAPORAN KAJIAN KEPERLUAN SUMBER MANUSIA DALAM BIDANG PERPUSTAKAAN DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT DI MALAYSIA



Laporan ini merupakan kajian yang pertama kali dilaksanakan secara menyeluruh meliputi hampir semua perpustakaan di Malaysia. Laporan ini mengandungi 3 bab, terdiri daripada Laporan A, iaitu Kajian Keperluan Sumber Manusia Dalam Bidang Perpustakaan Dan Perkhidmatan Maklumat (Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Gunasama, Perpustakaan IPTA, Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Badan Berkanun). Laporan B, pula ialah Kajian Keperluan Sumber Manusia dalam Bidang Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat (Perpustakaan Gunasama). Laporan C, ialah Kajian Keperluan Sumber Manusia dalam Bidang Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat (Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia). Kajian ini dijalankan secara bersama oleh Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) yang diketuai oleh Dato' Dr Zaiton Othman bersama Bahagian Penyelidikan Perpustakaan Negara Malaysia.

Harga : RM 65.00
ISBN : 967-931-163-5
Halaman : 559
Tahun Terbit : 2004
Status : Tiada Stok

**SEKILAS PANDANG SEJUTA KENANGAN :
TAN SRI DATO' DR. MOHD RASHDAN BABA**



Sekilas Pandang Sejuta Kenangan: Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan Baba mencoretkan sudut pandangan dan penghargaan beberapa orang tokoh dari komuniti kepustakawanan di negara ini yang pernah mempunyai hubungan kerja secara langsung mahupun tidak langsung dengan Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan Baba. Himpunan sudut pandangan ini diterbitkan dalam bentuk penerbitan buku khas dan VCD. Gambar-gambar menarik berkaitan dengan beliau seperti gambar bersama keluarga, kerjaya dan sebagainya boleh didapati di dalam terbitan ini.

Harga : RM 15.00
 ISBN : 967-931-168-6
 Halaman : 48
 Tahun Terbit : 2004
 Status : Tiada Stok

**PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM : IFLA/UNESCO GARIS
PANDUAN PEMBANGUNAN**

Buku ini adalah hasil terjemahan daripada buku The Public Library Services :IFLA/UNESCO Guidelines For Development oleh kumpulan kerja dipengerusikan oleh Philip Gill bagi pihak Seksyen Perpustakaan Awam IFLA/UNESCO. Penerbitan buku ini adalah sebagai bahan rujukan dan panduan bagi mengurus tadbir perpustakaan awam oleh semua pihak yang bertanggungjawab untuk membangunkan perkhidmatan perpustakaan awam yang cekap dan berkesan.


Harga : RM 40.00
 ISBN : 967-931-133-3
 Halaman : 125
 Tahun Terbit : 2003




WARISAN MANUSKRIP MELAYU (BUKU BERGAMBAR)

Buku mewah yang terulung yang diterbitkan dalam negara mengenai manuskrip Melayu. Mengandungi 14 bab hasil nukilan sekumpulan cendekiawan dalam bidang pengajian manuskrip Melayu dari dalam dan luar negara. Dipenuhi dengan 169 gambar berwarna manuskrip dari koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

Harga	: RM 240.00
ISBN	: 967-931-130-9
Halaman	: 278
Tahun Terbit	: 2002
Status	: Tiada Stok




THE ROYAL COMMONER : THE LIFE AND TIMES OF IMAM PERANG JABOR 1858-1921



Sebuah karya biografi Ngah Jabor, seorang tokoh penting dalam sejarah negeri Perak tetapi kurang dikenali sebelum ini. Beliau adalah salah seorang yang terlibat dalam konspirasi menentang J.W.W. Brich, Residen British di Pasir Salak. Banyak maklumat yang belum diketahui sebelum ini tentang peristiwa Pasir Salak terdapat dalam buku ini.

Harga	: RM 25.00
ISBN	: 967-931-112-0
Halaman	: 177
Tahun Terbit	: 2002
Status	: Tiada Stok

AKAYET DOWA-MANO, (HIKAYAT DOWA MANO)




Buku ini mengandungi kajian ringkas teks dalam tulisan Cam dan transliterasi Melayu daripada sebuah manuskrip Melayu Campa. Cerita Akayet Dowa-Mano amat terkenal dikalangan masyarakat Melayu Campa di Indo-China yang masih mempunyai pertalian budaya dengan masyarakat Melayu di Nusantara. Di kalangan masyarakat Melayu Nusantara, versi karya ini dikenali sebagai Hikayat Dewa Manu. Diterbitkan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEQ), Kuala Lumpur.

Harga	: RM 15.00
ISBN	: 967-931-089-2
Halaman	: 215
Tahun Terbit	: 1998
Status	: Tiada Stok

HIKAYAT INDERA QURAIYSIN : SATU KAJIAN

Buku ini adalah hasil kajian terhadap sebuah manuskrip Melayu berjudul Hikayat Indera Quraisyin. Satu kajian yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Hikayat ini memaparkan watak seorang tuan puteri yang amat menonjol daripada segi kepimpinan, kebijaksanaan, kehandalan dan kekayaan serta telah berjaya mencapai kemenangan dalam beberapa peperangan besar. Hikayat ini amatlah menarik untuk menghayati ketokohan seorang wanita. Penulis pula adalah seorang tokoh penyelidikan manuskrip Melayu berbangsa Perancis.


Harga	: RM 25.00
ISBN	: 967-931-093-0
Halaman	: 253
Tahun Terbit	: 1998




PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA, 1996 READING PROFILE OF MALYSIANS, 1996

Buku ini merupakan hasil kajian yang dijalankan oleh Frank Small and Associates bagi pihak Perpustakaan Negara Malaysia mengenai profil minat membaca rakyat Malaysia. Kajian ini meliputi semua peringkat umur yang dijalankan pada tahun 1995. Buku ini juga dicetak dalam bahasa Inggeris .

Harga : RM 40.00
ISBN : 967-931-083-(BM)
967-931-082-5 (BI)
Halaman : 274 (BM)
265 (BI)
Tahun Terbit : 1998
Status : Tiada Stok



UNDANG-UNDANG MINANGKABAU : WACANA INTELEKTUAL DAN WARNA IDEOLOGI



Sebuah hasil kajian oleh seorang Mualim Tamu Perpustakaan Negara Malaysia mengenai sebuah karya manuskrip Melayu dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia iaitu Undang-undang Minangkabau. Karya ini merupakan sumber rujukan yang amat penting tentang sejarah, pemikiran dan adat suku kaum Minangkabau yang masih diamalkan sehingga kini, termasuk di Malaysia.

Harga : RM 35.00
ISBN : 967-931-065-5
Halaman : 320
Tahun Terbit : 1997

TRADISI PENULISAN MANUSKRIP MELAYU




Buku ini mengandungi 17 kertas kerja oleh tokoh-tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang manuskrip Melayu. Kertas-kertas kerja berkenaan telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Manuskrip Melayu yang telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia dari 3 hingga 4 Oktober 1995. Bidang perkara yang dibincangkan agak luas meliputi skrip, alat tulis, kepengarangan dan lain-lain.

Harga : RM 30.00
 ISBN : 967-931-068-X
 Halaman : 283
 Tahun Terbit : 1997

AKAYET INRA PATRA, (HIKAYAT INRA PATRA)

Salah sebuah hikayat yang mashyur dikalangan masyarakat Melayu Campa ialah Akayet Inra Patra. Buku ini mengandungi kajian ringkas teks dan transliterasi Melayu Akayet berkenaan. Versi Melayu karya ini dikenali sebagai Hikayat Indera Putra. Diterbitkan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO), Kuala Lumpur.

Harga : RM 25.00
 ISBN : 967-931-075-2
 Halaman : 188
 Tahun Terbit : 1997
 Status : Tiada Stok



FAILKUASA PENGARANG ETNIK SABAH DAN SARAWAK

Sebuah terbitan penting bagi memproses buku mengenai Sabah dan Sarawak di perpustakaan. Terbitan ini menyenaraikan sebanyak 97 entri failkuasa nama pengarang yang berasal dari Sabah dan Sarawak. Terbitan ini dapat membantu proses pengkatalogan dan pendokumentasian bahan terbitan disamping memberi manfaat kepada penyelidik dan pengguna perpustakaan dalam mengakses maklumat mengenai pengarang tempatan.

Harga : RM 12.00
ISBN : 967-931-073-6
Halaman : 15
Tahun Terbit : 1997
Status : Tiada Stok



SENARAI AKRONIM DI MALAYSIA

Banyak institusi di Malaysia lebih dikenali dalam bentuk nama singkatan berbanding nama sebenar. Buku ini mengandungi nama singkatan (akronim) bagi agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi berkanun bukan kerajaan dan badan-badan antarabangsa yang mempunyai hubungan dengan Malaysia. Senarai nama singkatan ini penting dalam urusan harian kita.

Harga : RM 18.00
ISBN : 967-931-067-1
Halaman : 66
Tahun Terbit : 1997
Status : Tiada Stok



PERLUASAN JADUAL KAWASAN BAGI MALAYSIA



Sebuah terbitan kecil tetapi penting kepada pengkatalog. Terbitan ini dapat membantu para pengkatalog dalam proses pengkelasan bahan-bahan Malaysiana. Terbitan ini memberi perluasan jadual kawasan bagi Malaysia melalui pemberian nombor pengkelasan yang terperinci untuk semua negeri di negara ini.

Harga	: RM 10.00
ISBN	: 967-931-074-4
Halaman	: 7
Tahun Terbit	: 1997
Status	: Tiada Stok

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA : SATU KRONOLOGI 1966-1996

Buku ini memuatkan urutan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Perpustakaan Negara Malaysia semenjak Jabatan ini ditubuhkan. Buku ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan mengenai sejarah Perpustakaan Negara Malaysia tetapi juga mengandungi maklumat yang berguna mengenai sejarah perpustakaan di Malaysia.

Harga	: RM 20.00
ISBN	: 967-931-066-3
Halaman	: 146
Tahun Terbit	: 1997
Status	: Tiada Stok



FAILKUASA TAJUK PERKARA KUMPULAN ETNIK SABAH DAN SARAWAK

